

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
PERSEMBAHAN PENTARAMA
28 FEBRUARI 2010
DATARAN KAWAN PALAPES
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
7.30 MALAM**

Salutation

Yang Bebahagia Tuan Hj Azizan Hj. Din,
Pengarah Penerangan Sabah,

Yang Berusaha Encik Zubad Ibrahim
Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Kota Kinabalu

Yang Berusaha Encik Sallehuddin Md. Salleh
Pengarah Kebudayaan & Kesenian Negara, Negeri Sabah

Ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan,

Pegawai-pegawai Utama UMS,

Kakitangan dan pelajar UMS,

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya kita dapat berhimpun bersama pada malam ini bagi menjayakan Persembahan PENTARAMA di Dataran Kawad Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Saya bagi pihak universiti ingin mengucapkan selamat datang khususnya kepada para tetamu dan dif-dif jemputan yang hadir sama-sama pada malam ini bagi memeriahkan lagi acara yang buat julung-julung kalinya diadakan di universiti ini. Sesungguhnya pihak UMS merasa sangat bertuah kerana dipilih oleh pihak Jabatan Penerangan Sabah sebagai lokasi penganjuran program yang penuh gilang-gemilang ini. Kerjasama seumpama ini adalah amat dialu-alukan dan saya berharap ini adalah detik permulaan kepada lebih banyak aktiviti yang dianjurkan bersama pada masa-masa akan datang.

Para hadirin sekalian,

Program pada malam ini bukanlah untuk hiburan semata-mata kerana ianya berbeza dengan program hiburan yang lain. Dalam program ini pelbagai informasi turut disalurkan kepada warga UMS dan masyarakat sekitar kampus yang datang bersama-sama memeriahkan acara ini.

Melalui program ini ia juga mampu mencerminkan keindahan konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Y.A.B Perdana Menteri apabila pelbagai lapisan masyarakat dari pelbagai etnik dan budaya berkumpul bersama-sama dalam suasana yang harmoni dan makmur. Bagi para pelajar pula, program seumpama ini akan mampu merehatkan minda mereka agar tidak terlalu dikekang oleh tekanan dan kesibukan sesi kuliah di dalam kelas dan bilik kuliah.

Sehubungan itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada jabatan Penerangan atas pemilihan UMS sebagai antara salah satu lokasi persembahn PENTARAMA yang dilihat mampu memberi pelbagai impak positif khususnya kepada generasi muda pada masa kini.

Semoga para hadirin sekalian akan terhibur dengan persembahan para artis yang menjanjikan persembahan mantap pada malam ini.

Sekian, terima kasih.